



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj Kami : ANM(T)MEL/03/68 Jld.4 (3)
Tarikh : 15 Disember 2022
Bersamaan : 20 Jamadilawal 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Pembayar

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYEDIAAN WARAN KOSONG BAGI PEMBAYARAN EMOLUMEN (KOD OBJEK 11000,12000,13000,17000 dan 29000) SERTA BIL AKAUN PUKAL (KOD OBJEK 15000,21000,23000,26000 dan 27000) BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak PTJ perlu mewujudkan waran peruntukan kosong tahun 2023 di bawah objek sebagai (OS) 11000, 12000, 13000, 17000 dan 29000 bagi pembayaran emolumen serta objek sebagai (OS) 15000, 21000, 23000, 26000 dan 27000 bagi pembayaran bil akaun pukal.
3. Justeru, bagi PTJ yang terlibat dengan proses penggabungan Kementerian, PTJ perlu menyemak Kod PTJ / Aktiviti baharu dengan Ibu Pejabat terlebih dahulu sebelum mewujudkan waran kosong. PTJ perlu mengunci masuk waran peruntukan kosong tersebut melalui portal iGFMS berpandukan langkah-langkah seperti di **Lampiran A pada 3 Januari 2023 (Selasa)**.
4. Namun sekiranya PTJ telah 'Aku Terima' waran peruntukan di bawah objek sebagai (OS) tersebut dari Ibu Pejabat / Kementerian masing-masing, maka waran peruntukan kosong tidak perlu lagi dikunci masuk.
5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"


Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))


Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

LAMPIRAN A

i) Login Portal iGFMS



ii) Daftar Waran → Waran Peruntukan → pilih → WP-Kosong – Tahun Kewangan Semasa (2023) - Jana



- iii) Masukkan Kod Kump.PTJ & PTJ Pengeluar
- iv) Perihal → seperti Tajuk Buletin
- v) Isi *charge line* & kod objek mengikut PTJ masing-masing.
- vi) Tekan Butang JANA

